

**ISU-ISU KENEGERIAN SEMASA ERA
PENTADBIRAN KERAJAAN DI SABAH
1967-2018**



ALEXZENDER BIN GINLI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**ISU-ISU KENEGERIAN SEMASA ERA
PENTADBIRAN KERAJAAN DI SABAH
1967-2018**



ALEXZENDER BIN GINLI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**ISU-ISU KENEGERIAN SEMASA ERA
PENTADBIRAN KERAJAAN DI SABAH
1967-2018**

ALEXZENDER BIN GINLI



1IMS

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **ISU-ISU KENEGERIAN DALAM ERA PENTADBIRAN KERAJAAN DI SABAH 1967-2018**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **ALEXZENDER BIN GINLI**, Sesi **2017-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,

**ALEXZENDER BIN GINLI
MA1621063T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh :

(Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 Mei 2020

Alexzender Bin Ginli

MA1621063T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ALEXZENDER BIN GINLI**

NO. MATRIK : **MA1621063T**

TAJUK : **ISU-ISU KENEGERIAN SEMASA ERA PENTADBIRAN
KERAJAAN DI SABAH 1967-2018**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

TARIKH VIVA : **05 NOVEMBER 2019**



PENYELIAAN BERSAMA

DISAHKAN OLEH;
UMS
Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng

2. PENYELIA BERSAMA

Dr. Maureen De Silva

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan, kerana dengan limpah, karunia dan kebijaksanaan oleh-Nya, saya telah berjaya menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Terima kasih kepada kedua ibu bapa iaitu En. Ginli Bin Kual dan Pn. Julianah Binti Utoh yang memberikan sokongan, dorongan dan kekuatan kepada saya sehingga mampu menyelesaikan segala masalah sepanjang melaksanakan kajian ini. Terima kasih kerana tidak putus memberikan semangat dan doa yang kalian berikan. Tesis ini saya hadiahkan kepada kalian berdua.

Sekalung penghargaan juga kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng dan Dr. Maureen De Silva yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, komen yang bernas, dan motivasi sehingga saya berjaya mengatasi kelemahan yang ada pada diri saya. Jasa anda berdua tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga kepada pensyarah Sejarah iaitu Zainuddin Baco, En. Basley Bee Basrah Bee, En. Eko Prayitno Joko, Dr. Mohd Shafie Abdul Rahim, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Tang Abdullah dan Prof. Madya Dr. Mat Zin Mat Kib yang banyak memberikan pandangan, komen, galakan dan informasi kepada saya untuk terus menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu. Ditujukan khas kepada Manual Damlan, Jaswin Jelinus, Any Farina, Nurul Mardhiah Ahmad Lotfee. Demikian juga kepada Aping Sajok dan Amy Azuan Abdullah atas perkongsian pengalaman dan bimbingan.

Akhir sekali, terima kasih kepada responden yang banyak membantu dari segi data kajian.

Tuhan Merahmati dan memberkati kita semua.

Alexzender Bin Ginli
19 Mei 2020

ABSTRAK

Tesis ini merupakan kajian politik yang memberi fokus kepada isu kenegerian semasa era pentadbiran kerajaan di Sabah iaitu dari tahun 1967 hingga 2018. Perbincangan tesis merangkumi empat era pentadbiran *United Sabah National Organisation* dan *Sabah Chinese Assosiation* (USNO-SCA), Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), Parti Bersatu Sabah (PBS), dan *United Malays National Organisation* (UMNO). Tiga objektif utama yang dikaji adalah isu kenegerian yang paling menonjol di setiap era pentadbiran. Seterusnya adalah faktor isu kenegerian yang melibatkan hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ketiga adalah kesan terhadap pilihan pengundi, keputusan pilihan raya dan pembentukan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, proses pembentukan Malaysia yang melibatkan beberapa peringkat juga dijelaskan terutamanya berkenaan dengan hak dan keistimewaan Sabah dalam membentuk gagasan Malaysia. Bagi mendapatkan maklumat dan data kajian, beberapa pendekatan telah digunakan seperti kajian perpustakaan dan arkib bagi melihat dokumen-dokumen asal dan sumber-sumber yang berkaitan. Tesis ini mendapati isu kenegerian yang paling menonjol di setiap era pentadbiran adalah berkenaan dengan isu hak Sabah yang terkandung dalam Memorandum Perkara 20, *Malaysia Agreement 1963* (MA63), dan Laporan *Inter-Governmental Committee* (Laporan IGC). Perkara yang ditonjolkan adalah berkenaan dengan agama, bahasa, imigresen, Borneonisasi, 40 peratus hasil cukai Sabah, dan kedudukan Sabah dalam Malaysia yang diwar-warkan sepanjang pentadbiran empat kerajaan yang dinyatakan. Secara umumnya, faktor yang menyebabkan isu ini berlaku disebabkan oleh wujudnya campurtangan Kerajaan Persekutuan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. Walaupun demikian tidak dinafikan juga kelemahan pentadbiran Kerajaan Negeri yang mencetuskan isu kenegerian. Isu kenegerian yang kemudiannya digunakan sebagai manifesto semasa pilihan raya membolehkan pilihan pengundi dapat dikenalpasti. Secara analisisnya, kajian ini membuktikan bahawa isu kenegerian secara konsisten digunakan di setiap era pentadbiran di Sabah yang bermula semasa USNO-SCA hingga pentadbiran UMNO dan memperlihatkan perkembangan keintelektualan serta kesedaran penduduk Sabah tentang hak Sabah dalam Persekutuan Malaysia.

ABSTRACT

PAROCHIALSM ISSUES DURING GOVERNMENT ADMINISTRATION ERA IN SABAH 1967-2018

This thesis is a political study focusing on the issues of parochialism during the government administration era in Sabah from 1967 to 2018. The thesis discussion covers four administrative that is United Sabah National Organization and Sabah Chinese Associations (USNO-SCA), the Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), Parti Bersatu Sabah (PBS), and United Malays National Organization (UMNO). Three objective that explained is the most prominent issue in every administrative era by emphasizing the rights of Sabah in Malaysia. Secondly is the factors that caused the issues which involved the relation between State-Federal Government. Lastly is the impact on voter preferences, election results and the formation of the State Government. However, the process of forming Malaysia which involves several levels is also explained primarily in respect of Sabah's rights and privileges in forming Malaysia's ideas. To obtain information and research data, several approaches have been used such as library and archive studies to see the original documents and related resources. The thesis found that the most prominent issue in every administrative era was the issue of Sabah's rights contained in the Memorandum of 20 points, Malaysia Agreement 1963 (MA63), and the Inter-Governmental Committee Report (IGC Report). What is highlighted is that it relates to religion, language, immigration, Borneonization, 40 percent of Sabah's tax revenue, and Sabah's position in Malaysia which was spread over the administration of the four governments. Generally, the factors that led to this issue occurred due to the intervention of the Federal Government in the administration of the Sabah State Government. Nevertheless, it is undeniable that the weakness of the State Government administration has triggered the issue. The parochialism issue which is then used as a manifesto during the election allows voter choices to be identified. This study proves that the issue is consistently applied in every administrative era in Sabah that began during the USNO-SCA to the UMNO administration and showed the development of the intellectual and the awareness of Sabahans about Sabah's rights in the Federation of Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Sorotan Literatur	5
1.5 Kepentingan Kajian	20
1.6 Skop dan Definisi Kajian	21
1.7 Kaedah Kajian	24
1.8 Pembahagian Bab	27
1.9 Kesimpulan	29
BAB 2 : LATAR BELAKANG POLITIK SABAH DAN PEMBENTUKAN MALAYSIA SEBAGAI ASAS KEPADA KEWUJUDAN ISU KENEGERIAN	
2.1 Pengenalan	30
2.2 Sejarah Awal Politik Sabah	31
2.3 Proses Pembentukan Malaysia	34

2.3.1	<i>Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC)</i>	36
2.3.2	Suruhanjaya Cobbold	46
2.3.3	<i>Inter-Governmental Committee (IGC)</i>	54
2.3.4	<i>Malaysia Agreement 1963 (MA63)</i>	60
2.4	Isu Kenegerian	66
2.5	Kesimpulan	67

BAB 3 : Isu Kenegerian Semasa Pentadbiran *United Sabah National Organisation* Dan *Sabah Chinese Association (USNO-SCA)*

3.1	Pengenalan	69
3.2	Latar Belakang <i>United Sabah National Organisation (USNO)</i>	70
3.3	Isu Kenegerian	73
	3.3.1 Isu Agama	73
	3.3.2 Isu Borneonisasikan, Bahasa dan Imigresen	81
3.4	Faktor Pencetus Isu Kenegerian	83
	3.4.1 Memorandum UNKO kepada Suruhanjaya Cobbold	83
	3.4.2 Hubungan Donald Stephens dengan Kerajaan Persekutuan Selepas Pembentukan Malaysia	85
	3.4.3 Dasar Islamisasi Kerajaan Negeri	89
	3.4.4 Hak Sabah dalam Memorandum Perkara 20, Laporan IGC dan MA63	97
3.5	Kesan Isu Kenegerian	103
	3.5.1 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1967	103
	3.5.2 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1976	107
3.6	Kesimpulan	110

Bab 4: Isu Kenegerian Dalam Era Pentadbiran Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA)

4.1	Pengenalan	112
4.2	Latar Belakang Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA)	113

4.3	Isu-Isu Kenegerian	119
	4.3.1 Isu Pulau Labuan	119
	4.3.2 Isu Agama	126
4.4	Punca Isu Kenegerian	134
	4.4.1 Hubungan Baik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri BERJAYA	134
	4.4.2 Perkara Agama dalam Memorandum Perkara 20, Laporan IGC dan MA63	138
	4.4.3 Perubahan Dasar Pentadbiran BERJAYA	141
4.5	Kesan Isu-Isu Kenegerian	146
	4.5.1 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1981	146
	4.5.2 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1985	148
4.6	Kesimpulan	152
BAB 5 : Kebangkitan Parti Bersatu Sabah (PBS) Menuntut Hak Sabah		
5.1	Pengenalan	153
5.2	Latar Belakang Party Bersatu Sabah (PBS)	154
5.3	Isu-Isu Kenegerian Semasa Pentadbiran PBS	158
	5.3.1 Isu Royalti Minyak	158
	5.3.2 Isu Agama, Pendidikan, Bahasa, Borneonisasi dan Imigresen	163
5.4	Faktor Isu Kenegerian	171
	5.4.1 Hak Sabah Dalam MA63, Laporan IGC dan Memorandum Perkara 20	171
	5.4.2 Hakisan Hak-Hak Sabah Semasa Pentadbiran BERJAYA	181
	5.4.3 Pengenalan Rang Undang-Undang Berkenaan dengan Agama Rasmi di Sabah	186
	5.4.4 Hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan PBS	188
5.5	Kesan Isu-Isu Kenegerian	190
	5.5.1 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri	190

	(DUN) 1990	
5.5.2	Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1994	193
5.6	Kesimpulan	196
 BAB 6 : Kemuncak Kepada Isu Kenegerian Semasa Era Pentadbiran United Malays National Organisation-Barisan Nasional (UMNO-BN) Di Sabah		
6.1	Pengenalan	198
6.2	Latar Belakang <i>United Malay National Organisation (UMNO)</i> Sabah	199
6.3	Isu-Isu Kenegerian	203
	6.3.1 Isu Kedudukan Sabah dalam Malaysia	208
	6.3.2 Isu Borneonisasi	215
	6.3.3 Isu <i>North Borneo 40 Percent Growth Revenue Grant</i>	217
6.4	Faktor Isu Kenegerian	219
	6.4.1 Kedudukan Sabah dalam Malaysia	219
	6.4.2 <i>North Borneo 40 Percent Growth Revenue Grant</i>	225
	6.4.3 Borneonisasi	226
6.5	Kesan Isu-Isu Kenegerian	229
	6.5.1 Keputusan Pilihan Raya DUN 2013	229
	6.5.2 Keputusan Pilihan Raya DUN 2018	232
6.6	Kesimpulan	239
 BAB 7 : Rumusan		241
RUJUKAN		251
LAMPIRAN		274


SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Kandungan Cadangan <i>Malaysia Solidarity Consultative Committee</i> (MSCC)	45
Jadual 2.2 : Hasil Laporan Suruhanjaya Cobbold	53
Jadual 2.3 : Hasil Laporan IGC	57
Jadual 3.1 : Perbandingan Kandungan Memorandum UPKO kepada Suruhanjaya Cobbold dan Memorandum Perkara 20	84
Jadual 3.2 : Bilangan Paderi Atau Pemimpin Gereja yang Dikatakan Diusir	92
Jadual 3.3 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1967 (UPKO dan USNO)	106
Jadual 3.4 : Keputusan Pilihan Raya DUN 1976 (BERJAYA dan USNO)	110
Jadual 4.1 : Perbezaan Isu Agama semasa Pentadbiran USNO-SCA dan BERJAYA	133
Jadual 4.2 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1981 (BERJAYA dan USNO)	147
Jadual 4.3 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1985 (PBS, USNO, BERJAYA)	151
Jadual 5.1 : Bidang Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri Menurut Laporan IGC	177
Jadual 5.2 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1990 (PBS, BERJAYA dan USNO)	193
Jadual 5.3 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1994 (PBS dan BN)	196
Jadual 6.1 : Senarai Ketua Jabatan Persekutuan di Sabah (2008)	227
Jadual 6.2 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 2013 (STAR dan SAPP)	232
Jadual 6.3 : Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 2018 (BN, Gabungan Sabah dan WARISAN, DAP serta PKR)	239

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 6.1 : Kedudukan Sabah dan Sarawak Menurut Pandangan Ahli Politik 220



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 5.1 : Perlembagaan Negeri Sabah Artikel 5.(1) Sebelum Pindaan Pada Tahun 1973	188
Foto 5.2 : Perlembagaan Negeri Sabah Selepas Pindaan Pada Tahun 1973	188



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SENARAI SINGKATAN

ABIM	- Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	- Ahli Dewan Undangan Negeri
AKAR	- Angkatan Keadilan Rakyat
BERJAYA	- Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
BERSAMA	- Parti Bersatu Sasa Malaysia
BERSATU	- <i>United Sabah People's Progressive Organisation</i>
BERSEKUTU	- Barisan Rakyat Sabah Bersekutu
BN	- Barisan Nasional
BUNAP	- <i>Borneo Utara National Party</i>
CPA	- <i>Commonwealth Parliamentary Association</i>
DAP	- <i>Democratic Action Party</i>
DP	- Democratic Party
DUN	- Dewan Undangan Negeri
FAMA	- Kementerian Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELDA	- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GAPENA	- Gabungan Penulis Nasional
GS	- Gabungan Sabah
IC	- <i>Identity Card</i>
IGC	- <i>Inter-Governmental Committee</i>
IRD	- <i>Internal Revenue Department</i>
ISA	- <i>Internal Security Act</i>
JHEAINS	- Jabatan hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
KGGM	- Kesatuan Guru-Guru Malaysia Berhad

KITA	- Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air Kita
LDP	- <i>Liberal Democratic Party</i>
LGM	- Lembaga Getah Malaysia
MAS	- <i>Malaysia Airline System</i>
MA63	- <i>Malaysia Agreement 1963</i>
MCA	- <i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	- <i>Malaysian Indian Congress</i>
MNLF	- <i>Moro National Liberation Front</i>
MOMOGUN	- Parti Kadazan Asli Sabah
MSCC	- <i>Malaysia Solidarity Consultative Committee</i>
MUIS	- Majlis Ugama Islam Sabah
NC	- <i>Native Chief</i>
NGO	- <i>Non-Governmental Organisation</i>
OKK	- Orang Kaya-Kaya
OT	- Orang Tua
PAS	- Parti Islam Se-Malaysia
PASOK	- Pertubuhan Kebangsaan Pasok-Nunukragang Bersatu
PATI	- Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBRS	- Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	- Parti Bersatu Sabah
PCS	- Parti Cina Sabah
PDS	- Parti Demokratik Sabah
PERDANA	- Pertubuhan Ekonomi Rakyat dan Negara
PEKEMAS	- Parti Keadilan Masyarakat
PETRONAS	- Petroliam Nasional Berhad

PGSSWP	- Persatuan Guru-Guru Semenanjung Sabah dan Wilayah Persekutuan
PHRS	- Parti Harapan Rakyat Sabah
PIT	- Persatuan Islam Tawau
PIS	- Persatuan Islam Sabah
PKR	- Parti Keadilan Rakyat
PKS	- Parti Kebangsaan Sabah
PPRS	- Parti Perpaduan Rakyat Sabah
PRU-13	- Pilihan Raya Umum Ke-13
PRU-14	- Pilihan Raya UMUM 14
RCI	- <i>Royal Commission of Inquiry</i>
RISDA	- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RM	- Ringgit Malaysia
SAPP	- <i>Sabah Progressive Party</i>
SCA	- <i>Sabah Chinese Association</i>
SETIA	- Kuasa Rakyat Bersatu Sabah
SIC	- <i>Sabah Indian Congress</i>
SNAP	- <i>Sarawak National Party</i>
SPR	- Suruhanjaya Pilihan Raya
SSKM-UK	- Sabah Sarawak Keluar Malaysia
STAR	- <i>State Reform Party</i>
S46	- Semangat 46
TYT	- Tuan Yang Terutama
UBF	- <i>United Borneo Front</i>
UMNO	- United Malays National Organisation
UNKO	- <i>United National Kadazan Organisation</i>

- UP** - United Party
- UPKO** - *United Pasok Momogun Kadazan Organisation*
- USA** - United Sabah Alliance
- USAP** - *Union of Sabah People Party*
- USIA** - *United Sabah Association*
- USNO** - United Sabah National Organisation
- WARISAN** - Parti Warisan Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Kandungan Perkara 20	274
Lampiran B : Surat Pengarah Jabatan Imigresen Sabah kepada Gereja Kristian di Sabah Pada 30 September 1966	277
Lampiran C : Cadangan Tambahan yang Dikemukakan oleh Parti UPKO dan USNO kepada <i>Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC)</i>	278
Lampiran D : Memorandum yang Menggambarkan Inspirasi dan Pandangan Komuniti Kadazan Terhadap Malaysia	279
Lampiran E : Perlindungan yang Dikemukakan oleh UNKO Terhadap Suruhanjaya Cobbold	280
Lampiran F : <i>Memorandum on Malaysia Prepared by the United Party of North Borneo for the Cobbold Commission</i>	281
Lampiran G : Manifesto PBS 1990	282
Lampiran H : Isi Kandungan Perjanjian Pulau Labuan Di Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah	283



UNIVERSITI
MALAYSIA
SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini termasuk dalam bidang sejarah politik Sabah yang membincangkan isu-isu kenegerian semasa era pentadbiran parti-parti politik di Sabah iaitu *United Sabah National Organisation* (USNO), Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), Parti Bersatu Sabah (PBS), dan *United Malay National Organization-Barisan Nasional* (UMNO-BN). Bermulanya penglibatan dan penubuhan parti politik di Sabah rentetan daripada pengumuman Tunku Abdul Rahman yang merupakan Perdana Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu pada 27 Mei 1961 untuk membentuk Gagasan Malaysia.¹ Disebabkan oleh pengumuman tersebut bermulalah rundingan yang melibatkan beberapa pihak seperti Kerajaan British, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Singapura, Sabah dan Brunei. Penubuhan *Malaysia Solidarity Consultative Committee* (MSCC) pada 23 Julai 1961 merupakan permulaan kepada perbincangan penubuhan gagasan Malaysia atau dikenali sebagai *Greater Malaysia* pada ketika itu.²

Pelbagai perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat MSCC dijalankan termasuklah pandangan, pendapat dan perbahasan berkenaan dengan gagasan Malaysia. Hasil daripada mesyuarat tersebut kemudiannya disatukan dan diserahkan

¹ Azharudin Mohamed Dali, *Perlembagaan Malaysia: Penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia, Seminar Perlembagaan Malaysia: Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa*, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 5 Julai 2012. hlm. 5; Regina Lim, *Federal-State Relations in Sabah, Malaysia the Berjaya Administration, 1976-1985*, Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, 2008. hlm. 41.

² Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak 1962, hlm. 2; Mohd Ayob Abd Razid, *Sabah Sarawak Maju Bersama*, *Berita Harian Online*, 2 September 2014, <https://www.bharian.com.my/node/4591>, Diakses pada 23/5/2018; Saimin Ginsari, *Hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah 1963-1985*, *Tesis Sarjana*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015, hlm. 88.

kepada Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk pada pada 16 Jan 1962.³ Selepas Suruhanjaya Cobbold memperolehi dan menyiapkan laporan berkenaan dengan pandangan khasnya daripada penduduk Sabah dan Sarawak, *Inter-Governmental Committee* (IGC) kemudiannya dibentuk pada Ogos 1962.⁴ IGC dibentuk dengan tujuan menyediakan dan merangka perlembagaan dan jaminan-jaminan negeri Sarawak dan Sabah berdasarkan kepada hasil Laporan Suruhanjaya Cobbold.⁵ Kemudiannya, pelbagai hak dan jaminan yang dimaktubkan dalam Laporan IGC termasuklah 20 perkara yang terdapat dalam Memorandum 20 Perkara.⁶ Antara hak dan jaminan yang terkandung dalam Laporan IGC adalah seperti bahasa, agama, imigresen, Borneonisasi dan lain-lain. Akhir sekali *Malaysia Agreement 1963* (MA63) kemudiannya ditandatangani oleh pihak-pihak yang mahu Malaysia dibentuk seperti Kerajaan British, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pada 9 Julai 1963.⁷ Perjanjian ini merupakan hasil keseluruhan daripada laporan Suruhanjaya Cobbold dan IGC. Secara umumnya, hak-hak dan keistimewaan Sabah terkandung dalam Laporan IGC dan MA63.

Hak dan keistimewaan Sabah tersebut menjadi pemangkin kepada timbulnya isu di antara Donald Stephens yang merupakan Ketua Menteri Sabah yang pertama pada tahun 1963 di bawah pentadbiran Kerajaan Parti Perikatan Sabah dengan Kerajaan Persekutuan. Disebabkan oleh hal tersebut, bermulalah penggunaan isu kenegerian dalam arena politik Sabah semasa pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 1967. Parti *United Pasok Kadazan Organisation* (UPKO) merupakan parti pertama yang menggunakan isu kenegerian semasa pilihan raya tersebut yang kemudiannya kekal disuarakan selepas USNO-SCA membentuk Kerajaan Negeri Sabah. Penggunaan isu kenegerian berterusan semasa era pentadbiran BERJAYA, PBS dan UMNO-BN. Oleh itu, kajian ini penting untuk melihat

³ Yahya Bin Muhammad, Perkembangan Ugama Kristian di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan pada Zaman-zaman Kerajaan Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti BERJAYA dan Kerajaan Parti PBS, *Latihan Ilmiah*, Jabatan Pengajian dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi Selangor, 1990, hlm. 75.

⁴ Zainal Ajamain, *The Queen's Obligation & Inter-Governmental Committee Report*, Kota Kinabalu: BruConn Sdn Bhd, 2015, hlm. 113; Saimin Ginsari, Hubungan Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri Sabah 1963-1985..., 2015, hlm. 154.

⁵ Zainal Ajamain, *The Queen's Obligation & Inter-Governmental Committee Report...*, 2015, hlm. 113.

⁶ *Ibid.*, hlm. 115.

⁷ *Ibid.*, hlm. 149.

isu kenegerian yang menonjol di setiap era pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah disebabkan kurangnya penonjolan terhadap isu kenegerian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Walaupun terdapat sesetengah kajian yang mengetengah isu kenegerian tetapi ianya tidak konsisten dan bukannya dilihat pada setiap era pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah.

1.2 Permasalahan Kajian

Malaysia dibentuk hasil daripada gabungan empat entiti yang berbeza iaitu Sabah, Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu serta Singapura yang dianggap berdaulat.⁸ Penubuhan Malaysia ini dibuktikan menerusi kewujudan beberapa dokumen yang dianggap asas kepada pembentukan Malaysia. Dokumen tersebut adalah seperti Memorandum 20 Perkara, Laporan Cobbold, Laporan IGC, dan MA63.⁹ Dokumen-dokumen ini jugalah yang memartabatkan hak dan keistimewaan Sabah dan Sarawak dalam membentuk Malaysia. Hak dan keistimewaan Sabah yang termaktub dalam keempat-empat dokumen tersebut adalah seperti agama, bahasa, Borneonisasi, pendidikan, imigresen dan 40 peratus hasil pendapatan Sabah.

Walau bagaimanapun selepas pembentukan Malaysia direalisasikan pada 16 September 1963, hak-hak dan keistimewaan Sabah dalam Laporan IGC dan MA63 didakwa tidak secara langsung dilaksanakan. Malahan semasa pentadbiran USNO-SCA dan BERJAYA, pelbagai pindaan dan hakisan terhadap hak Sabah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Pindaan tersebut kemudiannya menimbulkan ketidakpuasan hati pelbagai pihak termasuklah pemimpin dan parti pembangkang di Sabah. Keadaan ini sekaligus menyebabkan isu kenegerian berlaku seperti senario yang dapat dilihat pada Pilihan Raya DUN 1967 yang mana UPKO menyuarakan isu agama, Borneonisasi, Bahasa dan imigresen. Era pentadbiran USNO-SCA pula kemudiannya diwarnai oleh isu agama, isu Sabah keluar Malaysia dan bahasa sehinggalah BERJAYA memenangi Pilihan Raya DUN 1976.¹⁰

⁸ Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah & Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 87.

⁹ Kumpulan Penyelidik Kajian Elektoral Sabah untuk Majlis Profesor Negara Inc., *Kajian Elektoral Malaysia (Electoral Study of Malaysia) 2015 Sabah*, hlm.5.

¹⁰ Sualim Sanan, Pilihan Raya Negeri Sabah 1976: Satu Analisa, *Latihan Ilmiah*, Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980, hlm.97.